

21/12/2003

Kemunduran jejas maruah Islam

Syed Akbar Ali

APABILA kita kaji sejarah peradaban manusia (history of civilization) kita akan mendapati kejayaan dan kemunduran setiap peradaban sebenarnya bergantung kepada pembangunan ekonominya.

Bagi setiap peradaban yang berjaya, kejayaannya ditentukan oleh rakyat yang mempunyai kebolehan sains dan teknologi yang mampu mengeluarkan semua keperluan harian mereka dan juga kekuatan pertahanan untuk menjamin keselamatan.

Dan bagi peradaban mundur, maksud sebenarnya ialah ia menjadi miskin dan lemah. Kemiskinan pula diiringi oleh gejala sosial dan kelesuan keimanan serta pelbagai jenis kesesatan dan keganasan. Tetapi ini tidak bermaksud semua peradaban yang kaya akan selalunya terkecuali daripada kesesatan dan keganasan.

Maha Suci Allah berfirman bahawa Dia telah mengutuskan para rasul dengan membawa risalah kepada seluruh umat manusia dari semasa ke semasa antara lainnya untuk membangunkan peradaban manusia yang baik. Ini termasuk mendidik manusia hidup kaya dan senang.

Surah 53:48, maksudnya: "Dan bahawa sesungguhnya Dia yang mengayakan dan Dia yang memberi harta simpanan".

Tidak ada ayat dalam al-Quran yang mengatakan bahawa Allah akan menjadikan kita miskin. Sebaliknya al-Quran jelaskan bahawa syaitan yang janjikan kita kemiskinan (2:268).

Dan selalunya sesuatu peradaban itu boleh tercicir daripada halaman sejarah kerana melanggar sedikit saja daripada peraturan Maha Suci Allah.

Kejayaan itu memerlukan penggunaan minda dengan baik dan berguna. Contohnya selama 350 tahun, ia itu 750 hingga 1100 Masihi peradaban orang Islam telah mencapai zaman kegemilangan.

Pada waktu itu ahli sains Islam telah pelopori sains dan teknologi yang dikagumi dunia sehingga hari ini. Tetapi malang sekali, tidak lama kemudian ahli teologi muncul untuk melemahkan peradaban Islam menjadi lesu, miskin dan tidak bijak. Logik dan sains yang dipelopori orang Islam hasil kurnia ilmu daripada Allah yang menghasilkan peradaban cemerlang dicap oleh ahli teologi sebagai duniawi dan sekular.

Sesiapa yang mencabar pendapat ahli teologi dicap sesat, murtad dan boleh dihukum bunuh. Ini juga menandakan permulaan pemikiran ganas dan militan di kalangan pakar agama. Hanya perkara yang sehaluan dengan pendapat mereka diterima. Ilmu sains kurnia Allah itu dianggap berguna jika sains itu boleh menyokong kepercayaan bahawa matahari terbenam di antara tanduk lembu atau bulan itu telah terbahagi dua. Kalau tidak boleh sains itu dianggap sia-sia saja.

Apabila tentera Islam mula menawan Parsi mereka telah menjumpai berpuluh ribu naskhah buku yang merekodkan kemajuan dan pencapaian sains bangsa Parsi. Tetapi semua buku itu telah dibuang ke dalam sungai dengan alasan bahawa segala kebenaran sudah pun ada dalam tangan orang Islam.

Pendekatan begini telah merugikan orang Islam sehingga hari ini. Dalam zaman ini dan di negara ini pun kita masih ditemani pewaris pemikiran yang melawan logik dan penggunaan akal. Tidak ada jawapan lain untuk menjelaskan kenapa kita jauh terkebelakang berbanding orang lain dalam semua perkara termasuk menegakkan kekuatan iman kita.

Maha Suci Allah berfirman "Tiadalah seorang beriman melainkan dengan izin Allah. Dia melemparkan kekotoran (rijis) ke atas orang yang tidak menggunakan akal" Surah 10:100.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir dikenali sebagai Bapa Pembangunan. Dr Mahathir bukan saja membangunkan umat Melayu tetapi beliau sebenarnya cuba mencetuskan satu peradaban Melayu. Sejarah akan mencatatkan bahawa umat Melayu memang sudah membina bangunan yang tertinggi di dunia dan

bahawa mereka mempunyai kebolehan membina projek gergasi untuk membangunkan negara mereka.

Pada tahun 90-an kita juga cuba mengagihkan sebahagian daripada sumber kekayaan negara kepada beberapa ahli korporat Melayu dengan harapan untuk mewujudkan billionaire korporat Melayu yang akan membawa ekonomi Melayu ke pentas antarabangsa. Malangnya mereka tidak dapat bertahan lama. Pertama sekali mereka semua menjadi billionaire dengan menggunakan duit pinjaman. Keduanya mereka tiada pengalaman bersaing di pasaran antarabangsa.

Setelah krisis mata wang melanda negara kita, tiada lagi ahli korporat Melayu termasuk dalam senarai 10 orang terkaya dalam negara kita. Pada 2003, tiga bekas billionaire Melayu yang terakhir ia itu Tajudin Ramli, Halim Saad dan Rashid Hussain telah hilang sama sekali pegangan ke atas syarikat kepunyaan mereka dulu.

Satu bilion Ringgit itu sama dengan seribu juta Ringgit. Dengan seribu juta Ringgit (satu billion) kita mampu mewujudkan seribu orang jutawan. Atau sebaliknya kita boleh mewujudkan hanya seorang sahaja billionaire. Yang manakah harus kita pilih?

Oleh kerana ia selalu lebih mudah mengimbas kembali perkara yang telah berlaku (benefit of hindsight) jawapannya mungkin mudah. Sumber kekayaan negara terhad mengikut masa dan keadaan. Pepatah Inggeris berkata jangan menyimpan semua telur ayam dalam satu bakul (Do not put all your eggs in one basket). Maksudnya jika bakul itu jatuh, semua isinya akan hancur.

Jika kita mewujudkan seribu orang jutawan dan sekiranya satu peratus saja daripada seribu orang ini berjaya bersaing dan maju ke tahap billionaire ia bermaksud kita berpotensi melahirkan 10 orang billionaire dengan sumber kekayaan satu bilion Ringgit tadi. Jika tidak billionaire pun, kemungkinannya besar kita boleh melahirkan berpuluh atau beratus orang usahawan yang mempunyai kekayaan berpuluh juta atau beratus juta Ringgit.

Elok bagi kita perhatikan di sini sebuah ayat al-Quran yang membawa pengertian yang dalam:

"Apa yang Allah memberikan atas Rasul-Nya dari penduduk kota maka adalah untuk Allah dan Rasul-Nya, dan kaum kerabat dan anak yatim dan orang miskin dan orang dalam perjalanan supaya jangan harta itu beredar di antara orang-orang kaya di antara kamu dan apa yang diberikan padamu Rasul maka ambillah dan apa yang ia melarang kamu daripadanya maka tinggalkanlah dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah sangat keras siksaan" Surah 59:7.

Ayat 1 hingga 15 dan seterusnya daripada Surah 59 ini menceritakan mengenai perjuangan, peperangan dan harta rampasan perang bagi orang Islam dan bagaimana mereka patut agihkan harta rampasan perang itu di antara mereka. Umat Islam dalam negara kita sekarang berada dalam keadaan yang serupa. Setelah dijajah beratus tahun, kita baru merdeka selama 46 tahun. Bilangan majoriti pengundi dan kuasa politik membenarkan umat Islam menguasai harta dan sumber kekayaan negara.

Segala harta dan kekayaan negara dalam kuasa pemerintahan ini sekarang seolah serupa dengan harta rampasan perang yang jatuh ke tangan daripada medan perjuangan. Petunjuk yang diberi Allah ialah jangan agihkan harta ini untuk beredar di antara segelintir orang kaya sahaja. Ayat ini khususnya kepada harta yang diagihkan dan tidak menyebut kekayaan orang yang mereka mengusahakan dengan sendiri.

Dalam istilah ekonomi moden, maksud ayat ini menyerupai sistem oligopoly di mana segelintir orang kaya boleh menguasai sebahagian besar sumber kekayaan. Jika kita mempunyai kekayaan yang perlu diagihkan kita mesti agihkannya kepada bilangan orang yang maksimum. Kekayaan ini pula bukan dalam bentuk duit dan emas tetapi dalam bentuk projek, perusahaan dan penswastan yang perlu diusahakan lagi oleh orang yang mendapatinya.

Apabila lebih ramai orang mempunyai peluang menceburi perusahaan dan perniagaan, dan mungkin juga dalam sektor yang sama, dengan sendirinya ia akan mencetuskan persaingan. Persaingan pula akan mewujudkan disiplin dan

pendekatan profesional untuk menjaga harta daripada lupus. Dan untuk menggandakan hartanya seseorang itu perlu juga meningkatkan produktivitinya. Maka terlalu banyak hikmah yang terkandung dalam secebis saja ayat al-Quran.